

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2017/2018

NAMA KURSUS : PENGAJIAN ISLAM

KOD KURSUS : UQI 10102/ UQI 10602/ UWA 10102

KOD PROGRAM : BBA/ BBB/ BBC/ BBE/ BBF/ BBG/ BDC/
BDD/ BDM/ BDN/ BEJ/ BEV/ BFF/ BFR/
BID/ BIM/ BIP/ BIS/ BIT/ BIW/ BNB/
BNC/ BND/ BNE/ BNF/ BNM/ BPA/ BPB/
BPC/ BPD/ BWA/ BWD/ BWQ/ BWW

TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2017 / JANUARI 2018

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN : A) JAWAB SEMUA SOALAN DALAM
BORANG OMR YANG DISEDIAKAN.
B) DILARANG MEMBAWA KERTAS
SOALAN INI KELUAR DARI DEWAN
PEPERIKSAAN.

TERBUKA

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG DUA PULUH SATU (21) MUKA SURAT

SULIT
maaf tidak mampu mengikuti latihan
dan latihan tidak dilakukan dengan teliti

S1 Apakah pengertian *istaslama* dalam bahasa Melayu?

- A Tunduk dan taat
- B Aman dan damai
- C Selamat dan sejahtera
- D Sejahtera dan harmoni

S2 Apakah maksud akidah dari sudut istilah?

- A Kepercayaan yang tersimpul dalam hati sehingga terzahir pada keadaan dan suasana
- B Kepercayaan yang tersimpul sehingga tidak mungkin akan terurai atau terputus oleh apa jua keadaan dan suasana
- C Kepercayaan yang tersimpul kukuh dan teguh dalam jiwa sehingga tidak mungkin akan terurai atau terputus oleh apa jua keadaan serta suasana
- D Kepercayaan yang tersimpul kukuh dan teguh dalam pandangan manusia sehingga tidak mungkin akan terurai atau terputus oleh apa jua keadaan serta suasana

S3 Pilih perkara yang boleh merosakkan akidah.

- I Memohon perlindungan kepada makhluk
- II Percaya bahawa al-Quran adalah makhluk
- III Menyandarkan sifat Allah dengan sifat makhluk
- IV Percaya bahawa manusia ditetapkan rezekinya sejak azali

- A I sahaja
- B II dan III sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D I, II, III dan IV

TERBUKA

S4 Manakah berikut yang membawa maksud Islam?

- I Tunduk dan patuh
- II Taat dan menyerah diri
- III Damai, aman dan sejahtera
- IV Tidak tercela dan tiada kecacatan zahir dan batin

- A I sahaja
- B I dan II sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S5 Manakah maksud paling tepat yang boleh digambarkan sebagai kehidupan bertunjangkan Tauhid?

- A Mendirikan solat dan berzikir
- B Melakukan segala suruhan Allah
- C Meninggalkan segala larangannya
- D Menjadikan Islam sebagai al-Din dalam kehidupan

S6 Berikut adalah perkara-perkara yang boleh dihubungkaikan dengan akhlak.

- I Ibadah
- II Akidah
- III Syariah
- IV Muamalah

- A I sahaja
- B II dan III sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S7 Apakah peranan solat terhadap individu Muslim?

- I Melahirkan rasa takut kepada Allah
- II Melahirkan individu yang berakhhlak mulia
- III Mewujudkan hubungan baik antara makhluk dan Penciptanya
- IV Melahirkan rasa tunduk dan patuh terhadap semua perintah Allah S.W.T.

- A I sahaja
- B I dan II sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV



TERBUKA

S8 Bagaimakah transformasi ketaqwaan seseorang manusia dapat dicapai?

- A Melalui tauhid
- B Melalui akhlak
- C Melalui ibadah
- D Melalui syariah

S9 Manakah antara pernyataan berikut yang mempunyai kaitan dengan pengertian al-Quran?

- I Diturunkan dalam bahasa Arab dengan keterangan dan makna yang tepat
 - II Diriwayatkan secara mutawatir dan membaca setiap hurufnya adalah ibadah
 - III Perkara-perkara yang berkaitan dengan kata-kata dan perbuatan Nabi Muhammad S.A.W.
 - IV Kalam Allah S.W.T. yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. melalui perantaraan malaikat Jibril
- A I sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C I, II dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

Soalan 10 merujuk kepada maksud ayat al-Quran dalam **Pernyataan 1**. Pilih jawapan yang betul.

Pernyataan 1

"Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak keraguan padanya; ia menjadi petunjuk bagi orang-orang yang bertakwa"

(al-Baqarah:2)

S10 Apakah keistimewaan al-Quran yang terdapat dalam Pernyataan 1?

- A Kalam Allah S.W.T.
- B Pemisah antara hak dan batil
- C Sumber rujukan kepada orang Islam
- D Hidayah kepada orang yang bertakwa



S11 Manakah berikut fungsi utama al-Hadith dalam Islam?

- I Penghurai dan pentafsir bagi ayat-ayat al-Quran yang umum
- II Menentukan sesuatu hukum yang tidak terdapat di dalam al-Quran
- III Penguat dan penyokong kepada hukum-hukum yang terdapat di dalam al-Quran
- IV Menasakhkan hukum yang terdapat di dalam al-Quran dan menerangkan tentang ayat yang telah dinasahkan dan dimansuhkan

- A I sahaja
- B II dan III sahaja
- C I, II dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S12 Manakah pernyataan berikut yang menjelaskan bahawa al-Quran disifatkan sebagai *al-nur* (cahaya)?

- I Menjadi cahaya kepada kehidupan manusia yang sentiasa sibuk dengan urusan dunia
 - II Memberi sinaran cahaya dan harapan kepada manusia yang ditimpa bencana dan musibah
 - III Memberi cahaya keimanan kepada orang yang berada dalam kegelapan dan kekufuran
 - IV Menjadi cahaya untuk menerangi jiwa bagi mereka yang selalu membaca dan menghayati isi kandungannya
- A I sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S13 Apakah yang dimaksudkan dengan ijтиhad?

- A Satu usaha yang dilakukan untuk menangani permasalahan agama yang dihadapi oleh masyarakat Islam di seluruh dunia
- B Perbuatan untuk mengeluarkan hukum terhadap perkara-perkara yang menimbulkan kekeliruan kepada umat Islam
- C Perbuatan atau usaha dalam mengeluarkan hukum terhadap sesuatu perkara yang dinyatakan dalam al-Quran dan al-Hadith
- D Perbuatan atau usaha dalam mengeluarkan hukum terhadap sesuatu perkara yang tidak dinyatakan dalam al-Quran dan al-Hadith

S14 Apakah sumber hukum yang merujuk kepada amalan kebiasaan dalam masyarakat Islam?

- A *'Uruf*
- B *Ijmak*
- C *Istihsan*
- D *Sad al-Zaraie*

TERBUKA

S15 Apakah sumber hukum syariat yang dibawa oleh para rasul terdahulu sebelum Nabi Muhammad S.A.W. yang menjadi pembimbing bagi kaumnya?

- A *Istihsan*
- B *Mutakalimin*
- C *Qaulu Sahabi*
- D *Syar'u Man Qablana*

S16 Manakah berikut adalah jenis-jenis qiyas?

- A Qiyyas *khafy, jaliy* dan *adna*
- B Qiyyas *aula, musawi* dan *adna*
- C Qiyyas *aula, musawi* dan *khilafy*
- D Qiyyas *sorih, sukuti* dan *musawi*

S17 Apakah perkataan yang membawa maksud “ilmu-ilmu”?

- A ‘Ilm
- B ‘Alim
- C ‘Ulum
- D ‘Alamah

S18 Manakah berikut maksud “Sunnah” dari segi bahasa?

- I Arah
 - II Jalan
 - III Peraturan
 - IV Kata-kata Rasulullah S.A.W.
-
- A I sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D I, II, III dan IV

TERBUKA

S19 Apakah ilmu yang membincangkan tentang kata-kata sumpah yang digunakan oleh Allah S.W.T.?

- A *I'rab al-Quran*
- B *Aqsam al-Quran*
- C *Gharib al-Quran*
- D *Bada 'ie al-Quran*

S20 Siapakah yang diberikan gelaran *al-Rihal Wa al-Rihalah*?

- A Orang yang banyak menerima hadith secara *ijazah*
- B Orang yang banyak menghafal hadith beserta sanad
- C Orang yang banyak mengkaji hadith untuk dibukukan
- D Orang yang banyak mengembara untuk mendapatkan hadith

Soalan 21 dan 22 berdasarkan maksud firman Allah S.W.T dalam **Pernyataan 2**.
Pilih jawapan yang betul.

Pernyataan 2

Maksud Firman Allah S.W.T:

Apakah kamu tidak memerhatikan bagaimana Tuhanmu telah bertindak terhadap tentera bergajah? Bukanakah Dia telah menjadikan tipu daya mereka (untuk menghancurkan (Ka'abah) itu sia-sia? Dan Dia mengirimkan kepada mereka burung yang berbondong-bondong. Yang melempari mereka dengan batu (berasal) dari tanah yang terbakar. Lalu Dia menjadikan mereka seperti daun-daun yang dimakan (ulat).

(Al-Fil:1-5)

S21 Apakah bidang ilmu yang membincangkan keindahan makna dan perumpamaan al-Quran dalam Pernyataan 2?

- A *Badi' al-Quran*
- B *Hujaj al-Quran*
- C *Ulum al-Quran*
- D *Gharib al-Quran*

S22 Bagaimakah Allah S.W.T. menggambarkan keindahan makna dan perumpamaan al-Quran dalam Pernyataan 2?

- A Batu yang dilempar oleh burung sama seperti batu dari tanah yang terbakar
- B Kehebatan tentera Abrahah datang menyerang Ka'abah sama seperti serangan gajah ke atas Ka'abah
- C Kedatangan tentera bergajah yang ramai sama seperti keadaan burung yang datang berbondong-bondong
- D Kehancuran tentera bergajah yang dilempar dengan batu sama seperti keadaan daun yang dimakan oleh ulat

S23 Siapakah tokoh yang terlibat dalam penyusunan *kutub al-Sittah*?

- I Imam al-Nasa'i
- II Imam Abu Daud
- III Imam Ibn Majah
- IV Imam Malik bin Anas



TERBUKA

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S24 Mengapakah hadith *Maudhu'* tidak boleh dijadikan rujukan?

- A Hadith ciptaan manusia
- B Memiliki kelemahan dari sudut sanad hadith
- C Memiliki kelemahan dari sudut matan hadith
- D Terdapat perawi yang tidak adil dalam sanad hadith

S25 Siapakah golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah?

- A Mereka yang berpegang teguh kepada Kitab Allah S.W.T.
- B Mereka yang berpegang teguh kepada sunnah Rasulullah S.A.W.
- C Mereka yang mengikuti amalan para tabiin dan pengikut mereka sehingga kini
- D Mereka yang berpegang teguh kepada Kitab Allah S.W.T., Sunnah Rasulullah S.A.W. dan amalan para tabiin

S26 Siapakah dua tokoh dari zaman sahabat yang telah menyebut berkaitan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam perbincangan dan penulisan mereka?


- A Ibn Abbas dan Abu Ayyub
- B Sufyan al-Thauri dan Khalid al-Walid
- C Uthman bin Affan dan Ali bin Abi Talib
- D Abu Bakar al-Siddiq dan Umar al-Khattab

S27 Manakah antara berikut bukan faktor yang menyebabkan istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah mula digunakan secara meluas pada abad yang ketiga dan keempat hijrah?

- A Akibat berleluasanya mazhab atau aliran yang bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah
- B Untuk membezakan antara golongan yang berpegang dengan akidah yang hak dan yang batil
- C Berlakunya perkembangan kemajuan dalam bidang penulisan dan penerbitan bahan-bahan ilmiah
- D Sebagai usaha untuk menyelamatkan akidah umat Islam yang mula goyah akibat daripada timbulnya pelbagai aliran pemikiran yang mencetuskan kekeliruan

S28 Apakah dua kaedah yang diterima pakai oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam mentafsir ayat-ayat mutasyabihat?

- A Majazi dan hakiki
- B Ta'wil dan Tafwidh
- C Nasakh dan Mansukh
- D Logik akal dan Maslahah

**TERBUKA**

S29 Pilih pernyataan yang benar tentang al-Salafiyyah.

- I Terdiri daripada sahabat dan tabiin serta pengikut keduanya
 - II Terdiri daripada imam-imam terkemuka yang mengikut al-Quran dan al-Sunnah
 - III Berpegang teguh dengan al Quran dan al-Sunnah dalam masalah aqidah tanpa perlu dipertikaikan
 - IV Kumpulan yang tidak terhenti pada zaman tertentu sahaja tetapi sentiasa wujud di sepanjang zaman
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S30 Bagaimanakah pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah terhadap seseorang mukmin yang melakukan maksiat tanpa menafikan perkara pokok dalam iman?

- A Dianggap kafir
- B Telah melakukan syirik
- C Kedudukannya berada antara syurga dan neraka
- D Berdosa dan wajib memohon keampunan kepada Allah S.W.T.

S31 Mengapa Ahli Sunnah Wal Jamaah menggalakkan umat Islam ke arah kehidupan berjemaah?

- A Dapat menjamin kesejahteraan hidup
- B Menambah kekuatan umat Islam dalam aspek politik
- C Memudahkan urusan berkaitan politik, ekonomi dan sosial umat Islam
- D Menjaga kesucian akidah agar terus terpelihara daripada ancaman kesesatan

S32 Apakah peranan akal dalam manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah?

- A Sebagai sumber rujukan utama
- B Sebagai sumber pelengkap kepada akidah
- C Sebagai neraca untuk menerima atau menolak sesuatu hukum
- D Sebagai satu kaedah pemikiran untuk mensabitkan pahala dan dosa umat Islam

TERBUKA

Soalan 33 adalah berdasarkan pegangan dalam **Pernyataan 3**.
Pilih jawapan yang betul.

Pernyataan 3

- Al-Quran adalah makhluk
- Manusia mencipta perbuatannya sendiri
- Allah S.W.T. tidak boleh dilihat dengan pandangan mata di akhirat

S33 Manakah di antara golongan berikut mempunyai pegangan seperti Pernyataan 3?

- A Jabariah
- B Khawarij
- C Muktazilah
- D Ahli Sunnah Wal Jamaah

S34 Apakah aliran kumpulan yang dibawa oleh Al-Ja'd Ibn Dirham dan Jahm Ibn Safwan?

- A Syiah
- B Jabariyyah
- C Muktazilah
- D Ahli Sunnah Wal Jamaah

S35 Bilakah mula wujudnya gelaran Khawarij?

- A Zaman Tabiin
- B Zaman Sahabat R.A.
- C Zaman Tabi' al-Tabiin
- D Zaman Rasulullah S.A.W.

S36 Siapakah pengasas Aurad Muhammadiah?

- A Ayah Pin
- B Sheikh Kadirun Yahya
- C Haji Asaari Muhammad
- D Sheikh Muhammad Suhaimi



S37 Manakah berikut faktor-faktor perkembangan ajaran sesat di Malaysia?

- I Kurang asas pendidikan agama
 - II Keghairahan mencari ketenangan jiwa
 - III Berpegang teguh dengan adat dan kepercayaan
 - IV Berpegang kepada amalan para ulama dan orang-orang soleh
- A I sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D I, II, III dan IV

S38 Manakah golongan berikut yang menyumbang kepada kemunculan mazhab *Mujassimah* dan *Mushabbiyah*?

- I Syiah
 - II Majusi
 - III Yahudi
 - IV Nasrani
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S39 Manakah antara berikut termasuk dalam golongan Syiah?

- I Zaidiyyah
 - II Saba'iyyah
 - III Imamiyyah
 - IV Kaisaniyyah
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV



TERBUKA

S40 Mengapakah Imam Hassan al-Basri menolak fahaman Muktazilah?

- A Meyakini al-Quran adalah makhluk
- B Perbuatan mereka adalah syirik kepada Allah S.W.T.
- C Mempercayai segala perbuatan manusia akan dibalas
- D Meyakini bahawa orang yang melakukan dosa besar akan ditempatkan antara syurga dan neraka

Soalan 41 hingga 44 adalah berdasarkan pembahagian golongan dalam memahami nas-nas al-Quran dalam **Jadual 1**.

Pilih jawapan yang betul.

Jadual 1

Golongan	Ciri-ciri	Tanggungjawab
X	Tidak dapat memahami hukum Allah S.W.T. secara langsung melalui al-Quran dan al-Sunnah	W
Y	Dapat memahami hukum Allah S.W.T. melalui al-Quran dan al-Sunnah	Z

S41 Siapakah golongan X?

- A Golongan awam
- B Golongan ulama
- C Golongan pelajar
- D Golongan pemimpin

S42 Apakah tanggungjawab W?

- A Wajib bertanya
- B Wajib menerangkan
- C Wajib bermuhasabah
- D Wajib menjauhkan diri



S43 Apakah kesan jika golongan Y tidak menjalankan tanggungjawabnya?

- A Populasi penduduk berkurangan
- B Negara akan diperangi oleh pihak luar
- C Masyarakat akan berada dalam kejahanan
- D Pertumbuhan ekonomi negara akan terjejas

S44 Manakah antara institusi berikut yang berperanan dalam menjalankan tanggungjawab Z?

- A Pusat Sitasi Malaysia
- B Institut Sosial Malaysia
- C Jabatan Kebajikan Masyarakat
- D Institut Kajian Strategik Islam Malaysia

S45 Siapakah nama imam yang menjadi pengasas Mazhab Syafie?

- A Idris bin Muhammad
 - B Muhammad bin Idris
 - C Muhammad Idris bin Syafie
 - D Muhammad Idrus bin Syafie

S46 Mengapakah Mazhab Syafie dan Hanafi berbeza pendapat dalam menentukan hukum batal wuduk dengan sebab bersentuhan antara kulit lelaki serta perempuan yang halal nikah?

- A Perbezaan pengalaman yang dilalui
 - B Kepakaran bidang ilmu yang pelbagai
 - C Pendapat tersendiri dalam memahami dan mentafsirkan ayat al-Quran
 - D Pendekatan berbeza dalam menilai kesahihan hadith Rasulullah S.A.W.

S47 Apakah nama kitab pertama karangan Imam Syafie yang membicarakan dasar ilmu perundangan Islam?

- A *al-Umm*
 B *al-Hujjah*
 C *al-Risalah*
 D *al-Imla al-Saghir*

TERBUKA

S48 Manakah berikut perbezaan pendapat ulama muktabar dalam permasalahan ibadah solat?

- I Membaca doa qunut ketika solat Subuh
II Mengangkat tangan semasa takbir *intiqalat*
III Wanita menjadi imam kepada makmum lelaki yang baligh dan mumayiz
IV Lelaki dan wanita berada dalam satu saf yang sama ketika solat berjemaah

A I sahaja
B I dan II sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

S49 Apakah asas muamalat Islam?

- A Peraturan yang menghubungkan manusia dengan harta
 - B Tatacara yang menghubungkan manusia dengan Allah S.W.T.
 - C Tatacara bagi memenuhi keperluan manusia di atas persetujuan bersama
 - D Peraturan bagi memenuhi keperluan manusia berlandaskan syariat Allah S.W.T.

S50 Nyatakan bidang yang ditekankan dalam muamalat Islam.

- A Ekonomi dan sosial
- B Ekonomi dan pentadbiran
- C Politik dan pentadbiran korporat
- D Politik dan pengurusan kewangan

S51 Berikut adalah prinsip-prinsip muamalat Islam.

- I Mengutamakan keikhlasan semata-mata
 - II Berteraskan keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T.
 - III Berteraskan kepada penerapan sifat-sifat mulia dalam mencari harta
 - IV Memastikan harta yang diperolehi boleh digunakan dalam semua perkara kebaikan
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S52 Apakah istilah muamalat yang merujuk kepada memberi kuasa orang lain untuk menjaga harta?

- A *Al-Qard*
- B *Al-Wadiah*
- C *Al-Syarikah*
- D *Al-Mudharabah*



TERBUKA

S53 Apakah yang dimaksudkan dengan *al-Mudharabah*?

- A Persetujuan antara pihak yang diupah dengan pihak yang mengupah
- B Persetujuan antara pihak peminjam dengan pihak yang diberi pinjam
- C Persetujuan pemodal untuk memberi keuntungan samarata kepada pengusaha
- D Persetujuan pemodal dan pengusaha untuk bersama-sama menanggung untung dan rugi

S54 Mengapa pinjaman dengan faedah diharamkan dalam Islam?

- A Menyekat peluang kepada pihak peminjam berkongsi kekayaan
- B Terdapat unsur penindasan kepada pihak peminjam secara berterusan
- C Berlaku penindasan pihak peminjam terhadap pihak yang diberi pinjam
- D Berlaku ketidakadilan antara pihak peminjam dengan pihak yang diberi pinjam

Soalan 55 hingga 56 adalah berdasarkan kepada **Jadual 2**.
Pilih jawapan yang betul.

Jadual 2

A	<i>Al-Qard</i>
B	<i>Al-Ijarah</i>
C	<i>Al-Wakalah</i>
D	<i>Al-Syariyah</i>

S55 Encik Muhammad telah mengadakan perjanjian dengan sebuah syarikat kereta terpakai dan menyerahkan sejumlah modal bagi menjalankan perniagaan di mana keuntungan dan kerugian akan dikongsi bersama mengikut kadar modal yang dikeluarkan.

S56 Encik Ahmad telah membuat pinjaman dengan sebuah institusi kewangan bagi menampung kekurangan modal perniagaannya.

S57 Apakah perkataan yang sinonim dengan perkataan al-Jinayah?

- A *Al-Jarimah*
- B *Al-Fatanah*
- C *Al-Nadamah*
- D *Al-Khatimah*

S58 Nyatakan pembahagian *Maqasid al-Syariah*.

- I Memelihara perkara *hajiyat*
- II Memelihara perkara *tahsiniyyat*
- III Memelihara perkara *takmiliyyat*
- IV Memelihara perkara *dharuriyyat*

- A I sahaja
- B II dan III sahaja
- C I, II dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**TERBUKA**

Soalan 59 hingga 62 berdasarkan pembahagian *Maqasid al-Syariah* dalam **Jadual 3**.
Pilih jawapan yang bersetujuan dengan pernyataan yang diberikan.

Jadual 3

A	<i>Hajiyat</i>
B	<i>Tahsiniyyat</i>
C	<i>Takmiliyyat</i>
D	<i>Dharuriyyat</i>

- S59** Umat Islam diharamkan melakukan perkara-perkara yang boleh menjatuhkan maruah dan kehormatan diri seperti perbuatan mendedahkan aurat.
- S60** Melakukan akad jualbeli yang tidak dinyatakan secara jelas dalam nas tetapi diharuskan bagi memenuhi keperluan masyarakat.
- S61** Umat Islam dianjurkan memakai pakaian yang terbaik ketika hendak pergi ke masjid.
- S62** Umat Islam dilarang melakukan semua perkara yang membawa kepada perbuatan zina.
- S63** Manakah berikut merupakan syarat-syarat dikenakan hukuman bagi penzina?
- I Baligh
II Berakal
III Sukarela
IV Faham hukum
- A I, II dan III sahaja
B I, III dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

**TERBUKA**

- S64** Apakah kesalahan yang tertakluk di bawah kategori takzir?
- A Mencuri sebuah kereta
B Membuli rakan sehingga hilang upaya
C Mengedor pil kuda kepada rakan sebaya
D Menafikan nasab anak dalam kandungan isterinya

S65 Dari manakah asal perkataan etika ?

- A Bahasa Latin iaitu *ethos*
- B Bahasa Latin iaitu *ethics*
- C Bahasa Greek iaitu *ethos*
- D Bahasa Greek iaitu *ethics*

S66 Apakah yang dimaksudkan dengan etika?

- I Etika berasal daripada perkataan *ethos* yang merujuk kepada “perlakuan seseorang”
 - II Satu disiplin atau peraturan yang menentukan sama ada sesuatu perbuatan itu baik atau buruk
 - III Satu disiplin yang dapat memberi maklumat kepada kita apakah sistem moral yang diamalkan oleh kelompok tertentu
 - IV Satu set peraturan tetap yang diwujudkan sebagai panduan kepada manusia untuk menjamin kehidupan yang aman dan harmoni
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S67 Bilakah sesuatu pekerjaan dikira sebagai ibadah?

- I Niat kerana Allah S.W.T.
 - II Sentiasa ikhlas dalam melakukan pekerjaan
 - III Tidak mencampur-adukkan dengan sesuatu yang haram
 - IV Mematuhi peraturan dan kaedah yang ditetapkan syarak
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

TERBUKA

S68 Apakah maksud *Ibadah* dari sudut bahasa dalam bahasa Arab?

- I Patuh
 - II Tunduk
 - III Merendah diri
 - IV Keinginan selalu dipuji
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

Soalan 69 adalah berdasarkan maksud hadith dalam **Pernyataan 4**.
Pilih jawapan yang betul.

Pernyataan 4

“Barangsiapa bekerja untuk anak isterinya melalui jalan yang halal bagi mereka pahala seperti orang yang berjihad di jalan Allah”

(Riwayat Al-Bukhari)

S69 Apakah pengajaran utama hadith dalam Pernyataan 4?

- A Kewajipan untuk berjihad
- B Berbuat baik kepada anak dan isteri
- C Keutamaan untuk mencari rezeki yang halal
- D Belajar dengan bersungguh-sungguh untuk mencari pahala

S70 Apakah istilah yang digunakan bagi seseorang yang berkewajipan untuk memberi penjelasan dan penerangan berkaitan dengan aksi individu terutama yang berkaitan dengan perbuatan serta pelaksanaan tanggungjawab?

- A Etika
- B Integriti
- C Kredibiliti
- D Akauntabiliti

S71 Pilih pernyataan yang betul mengenai istilah integriti.

- I Melakukan pekerjaan secara jujur
 - II Melaksanakan tanggungjawab dengan amanah
 - III Menjalankan pekerjaan kerana ingin mendapat balasan dan pujian orang lain
 - IV Memelihara kepentingan awam tanpa mengambil kesempatan untuk kepentingan peribadi
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV



Soalan 72 adalah berdasarkan maksud ayat al-Quran dalam **Pernyataan 5**.
Pilih jawapan yang betul.

Pernyataan 5

“Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan apa yang terdaya olehnya”

(al-Baqarah:286)

S72 Apakah pengajaran yang dapat difahami dari maksud ayat al-Quran dalam Pernyataan 5?

- I Tugas yang diberikan oleh Allah S.W.T. kepada seseorang individu adalah berdasarkan kemampuan individu berkenaan
 - II Tidak ada sebab bagi seseorang individu untuk mengeluh dan mengatakan bahawa tugasnya terlalu berat dan sukar untuk dilaksanakan
 - III Seseorang pekerja itu boleh menyelesaikan segala tugas yang diberikan kepadanya melainkan diri sendiri tidak mahu menunaikan tanggungjawabnya
 - IV Sesungguhnya Allah S.W.T. itu bersifat dengan sifat yang Maha Adil lagi Maha Penyayang terhadap seluruh hambaNya dan tidak sama sekali menzalimi mereka
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S73 Apakah hukum rujuk jika suami belum menyempurnakan giliran kepada isteri yang diceraikan dengan talak raj'ie?

- A Sunat
- B Wajib
- C Haram
- D Makruh

S74 Pilih rukun rujuk.

- I Lafaz rujuk
 - II Isteri yang dirujuk
 - III Suami yang merujuk
 - IV Persetujuan isteri yang diceraikan
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

TERBUKA

S75 Pilih hikmah disyariatkan rujuk selepas perceraian.

- I Memberi ketenangan jiwa
 - II Peluang memperbaiki kesilapan
 - III Menghindari anak-anak daripada hidup terbiar
 - IV Memberi peluang untuk membina kembali rumah tangga
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S76 Manakah berikut perbuatan yang termasuk dalam perkara yang dilarang ketika idah bagi wanita diceraikan talak raj'i?

- I Berhias diri tanpa berlebih-lebihan
 - II Keluar rumah tanpa izin bekas suami
 - III Dipinang oleh lelaki lain secara sindiran
 - IV Berkahwin dengan lelaki selain suaminya
- A I sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S77 Apakah pengertian fasakh?

- A Membatalkan perkahwinan melalui kuasa wali
- B Membatalkan perkahwinan melalui kuasa sivil
- C Membatalkan perkahwinan melalui kuasa bapa
- D Membatalkan perkahwinan melalui kuasa hakim

S78 Pilih sebab yang mengharuskan isteri menuntut fasakh.

- I Suami gila
 - II Suami ditahan dalam penjara
 - III Suami berpenyakit berjangkit
 - IV Suami keluar rumah tanpa pengetahuan
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

TERBUKA

S79 Manakah perkara berikut bukan dikategorikan dalam isu kekeluargaan Islam?

- A Iddah
- B Fasakh
- C Nafkah
- D Maslahah

S80 Apakah perkara yang tidak termasuk dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah berkaitan Mal?

- A Wakaf dan nazar
- B Hadhanah dan nafkah
- C Luqatah dan ganimah
- D Wasiat dan harta sepencarian

-SOALAN TAMAT-

TERBUKA